

ANAK PERMATA HIDUP

Disusun oleh: Ustaz Najion Jamil

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ،

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٨﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى رَسُولِكَ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ انْفِقُوا اللَّهَ حَقَّ نِفْقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SAUDARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!

Umat Islam perlukan resipi takwa yang sempurna menuju keredaan Allah SWT bagi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Maka, marilah kita sematkan tekad serta azam untuk melaksanakan segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya kerana sesungguhnya inilah jalan bagi memperolehi petunjuk dari Allah SWT hatta beroleh pengurniaan takwa yang sebenar.

Firman Allah:-

وَالَّذِينَ آهْتَدَوْا زَادَهُمْ هُدًى وَءَاتَاهُمْ تَقْوَاهُمْ ﴿١٧﴾

Maksudnya: “Dan orang yang menerima petunjuk (ke jalan yang benar), Allah menambahi mereka dengan hidayah petunjuk, serta memberi kepada mereka (dorongan) untuk mereka bertakwa.” (S. Muhammad: 17).

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Manusia secara fitrahnya amat mendambakan sesuatu yang dapat memberikan kesenangan serta keceriaan kepada hidupnya. Ini termasuklah memiliki harta yang banyak, anak-pinak, kenderaan, kebun tanam-tanaman yang subur dan sebagainya yang boleh menyeri dan membahagiakan kehidupan. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:-

زَيْنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ
الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ۗ ذَٰلِكَ مَتَعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۗ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْبُ الْمَآبِ ﴿١٤﴾

Yang bermaksud: “Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia kesukaan kepada yang diinginkan nafsu iaitu perempuan-perempuan, anak-pinak; harta-benda yang banyak yang berpikul-pikul dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanam-tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu syurga).” (S. Ali-Imraan: 14).

Dengan hal yang demikian, memiliki anak dari zuriat sendiri merupakan impian serta keinginan semula jadi setiap pasangan yang berkahwin atau berumahtangga. Ini kerana anak-anak adalah penyimpul ikatan hubungan dan kasih sayang pasangan suami isteri. Pada anak-anak terletak sumber kebahagiaan dan keceriaan ibarat permata yang merupakan perhiasan penyeri hidup keluarga dan masyarakat.

Pendek kata, anak adalah anugerah Allah yang amat istimewa bagi pasangan suami isteri yang dijalin melalui ikatan pernikahan. Inilah sebabnya kehadiran “orang baru” sentiasa dinantikan oleh setiap pasangan yang mendirikan rumah tangga. Bagaimanapun, ada pasangan yang cepat dikurniakan anak; ada yang lambat dikurniakan zuriat; dan terdapat juga pasangan yang tidak langsung dikurniakan zuriat atau keturunan.

Maka, bayangkanlah hati dan perasaan pasangan suami isteri yang sangat mendambakan anak tetapi masih belum lagi memperolehi cahaya mata yang diidam-idamkan. Betapa kosong dan sunyi hidup mereka tanpa tangis dan tawa seorang anak yang bakal mengembangbiakkan keturunan mereka. Betapa hancur-luluh hati mereka jika didapati mereka menghadapi masalah ketidaksuburan.

SAUDARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!

Di ketika mana ada pasangan suami isteri yang begitu memerlukan anak, terdapat pula segelintir kecil manusia yang tidak menghargai dan mensyukuri anak yang dilahirkan. Ia berikutan dengan semakin menjadi-jadinya perbuatan membunuh atau membuang bayi yang tidak berdosa sejak kebelakangan ini. Gejala ini seolah-olah memperlihatkan nyawa bayi itu tiada nilainya kerana ada antaranya yang dibuang dalam tong sampah, ada yang ditinggalkan di dalam tandas, dan ada juga diletakkan di depan masjid atau rumah orang.

Keseriusan gejala yang tidak berperikemanusiaan ini dapat kita lihat pada statistik pembuangan bayi yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia. Dari tahun 2005 hingga tahun 2010 misalnya, dicatatkan 396 kes. Untuk tempoh 2005 umpamanya, sebanyak 67 kes dilaporkan, 83 kes pada 2006, 65 kes pada 2007, 102 kes pada 2008, 79 kes pada 2009 dan 91 kes pada 2010.

Walau apa alasan sekalipun yang diberikan oleh pelaku jenayah buang bayi itu, ia tidak boleh diterima sama sekali. Ini kerana bayi itu berhak untuk hidup seperti anak-anak lain meskipun kelahirannya barangkali natijah daripada keterlanjuran si ibu dan teman lelakinya. Tambahan pula, perbuatan membunuh atau menganiaya bayi atau anak adalah perbuatan keji yang mengundang dosa. Lantaran itu, Allah SWT melarang keras perbuatan terkutuk lagi keji yang tidak berperikemanusiaan itu sebagaimana firman-Nya:-

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ حَشِيَّةَ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ إِن قَتَلْتَهُمْ كَانَ خِطْئًا كَبِيرًا ﴿٣١﴾

Yang bermaksud: *“Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar.”* (S. Al-Israa’: 31).

Sehubungan dengan larangan Allah SWT tersebut, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berkuasa dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menangani masalah pembuangan bayi. Ia termasuklah penganjuran kempen pencegahan buang bayi di samping hukuman yang berat kepada pelaku jenayah berkenaan.

Namun, kempen kesedaran dan hukuman berat semata-mata tidak akan dapat menangani gejala penderaan dan pembuangan bayi ini secara tuntas. Yang paling utama dan penting ialah penekanan pendidikan agama dan pengawasan ibu bapa dari awal lagi. Langkah ini dapat memastikan anak-anak tidak terumbang-ambing dalam menelusuri hidup yang penuh pancaroba ini.

JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!

Sesungguhnya anak-anak bukan sahaja anugerah yang tidak ternilai daripada Allah SWT, malah mereka juga adalah amanah yang perlu dipelihara sebaik-baiknya oleh manusia khususnya yang bergelar ibu bapa. Sebagai satu amanah, mereka tidak boleh disia-siakan apatah lagi dikhianati. Maka, menjadi kewajipan bagi para ibu bapa memastikan anak-anak masing-masing memperolehi pendidikan yang sempurna yang dapat menganjak mereka menjadi insan bertakwa yang beroleh kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat, di samping menjadi insan yang komited dan istiqamah berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Tegasnya, kita semua perlu menginsafi hakikat bahawa mendidik dan mengasuh anak termasuk dalam ibadah kerana setiap ibu bapa akan dipertanggungjawabkan terhadap apa yang dilakukan oleh anak-anaknya. Sabda Rasulullah, maksudnya: *“Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap orang yang di bawah pimpinan kamu; seorang pemerintah adalah pemimpin dan akan dipertanggungjawabkan terhadap rakyatnya; seorang lelaki adalah pemimpin kepada anggota keluarganya dan akan dipertanggungjawabkan terhadap anggota keluarganya; seorang wanita adalah pemimpin di rumah suaminya dan akan dipertanggungjawabkan terhadap anak-anaknya dan pimpinannya; dan khadam adalah diamanahkan terhadap harta tuannya dan akan dipertanggungjawabkan terhadap apa yang berada di bawah amanahnya.”* (HR Bukhari).

Sehubungan itu, sama-samalah kita berikan perhatian terhadap proses pendidikan anak-anak kita. Untuk tujuan ini, sebaiknya kita teladani proses pendidikan yang diterapkan oleh Luqman ke atas anaknya. Ia menekankan empat dasar utama pendidikan anak yang merangkumi akidah, ibadah, akhlak dan amanah terhadap diri sendiri dan terhadap orang lain. Pendekatan ini boleh kita soroti dalam ayat 12 hingga 19 surah Luqman.

SAUDARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!

Ibarat permata yang jika saban hari dibersihkan dan dikilatkan, pasti ia akan lebih bercahaya, cantik dan menarik. Demikian jugalah anak-anak, jika dididik dan diasuh dengan sempurna dalam suasana mahabah setiap hari pasti mereka akan berhasil menjadi insan-insan yang berkualiti dari segi akidah, akhlak dan ibadahnya hatta menjadi saham akhirat bagi kedua ibu bapanya. Justeru, hargai dan syukurilah kelahiran anak yang dianugerahkan Allah dengan memberikan pemeliharaan serta pendidikan yang sempurna agar selamat dunia akhirat. Tuntutan ini bertepatan dengan saranan Allah SWT melalui firman-Nya:-

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ ...

Yang bermaksud: *“Hai orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah dari manusia dan batu..”* (S. At-Tahrim: 6).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.



Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah